

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

22 JAN USM PERKENAL PERKHIDMATAN REHAT DAN RAWAT DI WAD EKSEKUTIF BAHARU



USM KUBANG KERIAN, 20 Januari 2018 – Universiti Sains Malaysia (USM) memperluas sayap operasinya dengan memperkenalkan Wad Eksekutif di bawah kelolaan Usains Tech Services Sdn Bhd (UTS) yang mula beroperasi di lokasi baharu November tahun lalu.

Wad Eksekutif yang terletak di aras bawah Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) ini berkapasiti 38 bilik dengan 42 buah katil, dibangunkan dengan kos RM6 juta bagi memberi perkhidmatan rehat dan rawat dengan kualiti yang tinggi serta disokong dengan pelbagai kepakaran yang ada di USM.





Menurut Pengurus Lembaga Pengarah Usains Holding Sdn Bhd, Datuk Redza Rafiq, Hospital USM kini melangkah lebih jauh dengan memperkasa penawaran pelbagai perkhidmatan seperti Poliklinik Eksekutif Perubatan dan Pergigian, Perkhidmatan Unit Kajian Klinikal, Perkhidmatan Makmal, Perkhidmatan Imaging (seperti ultrasound), Pusat Pengimejan Wanita serta Pengurusan Acara dan Seminar.

"UTS menunjukkan peningkatan sehingga berupaya menawarkan pelbagai perkhidmatan bukan sahaja dari aspek perawatan dan perubatan malahan mencakupi ujian klinikal, diagnosis penyakit dan yang lebih membanggakan kemampuan menawarkan khidmat pengurusan acara dan seminar untuk membantu para profesional mengasah serta mempertajamkan kemahiran non-klinikal mereka.

Kecanggihan peralatan, keselesaan wad yang disediakan serta dengan kekuatan lebih daripada 100 orang pakar dalam pelbagai bidang seperti Kardiologi, Pediatric, Dermatologi, Nefrologi dan lain-lain mampu menjadikan Perkhidmatan Kesihatan Eksekutif USM sebagai pilihan di rantau ini selaras dengan hasrat kerajaan mempromosikan pelancongan perubatan," ujar beliau ketika ditemui pada Majlis Perasmian di sini pagi ini.



Dengan kepelbagaiannya sebegini membuktikan UTS sinonim sebagai satu jenama yang dipercayai oleh masyarakat dan ini merupakan penanda aras baharu kepada USM dalam usaha memberikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan tidak menumpukan aspek penjanaan semata-mata.

Wad Eksekutif ini menawarkan lima jenis bilik iaitu Bilik Kenamaan (VIP), Single Premium, Single Deluxe, Double dan Single Standard (Pediatrik) dengan harga antara RM110 hingga RM500.



Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah Pengurus Lembaga Gabenor USM, Dr. Zulkefli A. Hassan, Naib Canselor USM Profesor Datuk Dr. Asma Ismail, Pengarah Urusan Usains Holding Sdn Bhd, Dato' Syed Mohamad Syed Murtaza serta pengurusan tertinggi USM dan USAINS.

Teks: Lailatul Hafiza Abdul Rashid / Foto: Mohd Fairus Md.Isa



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015